

## BAB KELIMA PENUTUP

### 5.1 KESIMPULAN

Umat Islam umumnya telah mengetahui bahawa Al-Ghazali adalah seorang intelektual yang berfikiran tajam dalam pelbagai bidang seperti tasawuf, keagamaan, falsafah, syariah dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan, beliau telah menghuraikan teori-teori pendidikan yang memberi gambaran jelas pelbagai aspek pendidikan yang harus dijadikan landasan bagi setiap generasi pendidik.

Oleh yang demikian kajian ini dibuat bertujuan untuk menyelidik dan menyelami pemikiran Al-Ghazali berkaitan pendidikan malah penghuraian dan komentarnya secara menyeluruh. Ia bermula dari bab pertama, mengenai latarbelakang beliau sehingga kepada bab keempat berkenaan dengan kaedah pendidikan Al-Ghazali. Dalam bab terakhir ini pula, iaitu bab kelima penulis telah membuat beberapa kesimpulan berdasarkan kajian dan penelitian yang telah dilakukan.

Sejarah kehidupan Al-Ghazali yang sering pergi ke satu-satu tempat, memberi beliau banyak pengalaman di samping penambahan ilmu. Berdasarkan pengakaman beliau, beberapa teori pendidikan telah dikemukakan untuk dijadikan rujukan kepada para pendidik atau para ilmuan muslim.

Matlamat pendidikan Al-Ghazali dapat dilihat sebagai wadah untuk umat Islam menghampirkan diri mereka kepada Allah s.w.t. Pendidikan baginya bukan platform kepada manusia untuk bermegah-megah atau mencari kedudukan. Sebaliknya perlu ada sifat keikhlasan demi untuk mendapat keredhaan Allah.

Hujah Al-Ghazali sering berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah untuk memberi penjelasan yang menyeluruh tentang kelebihan ilmu pengetahuan. Penjelasan beliau ini menggambarkan golongan pendidik mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah

s.w.t. Pendidik yang mencapai darjat setaraf dengan auliya ini akan mengecapi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Menurut Al-Ghazali perlu wujud kesenimbungan di antara ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi selama mana ia tidak bercanggah dengan syariah Islamiyah. Kesinambungan ilmu pengetahuan ini juga bagi memastikan bahawa ilmu yang diperolehi itu akan mendapat keredhaan Allah s.w.t. di samping itu penyesuaian di antara keduanya adalah penting bagi meninggikan keharmonian manusia sejagat.

Kurikulum yang dianjurkan oleh Al-Ghazali mengandungi pelbagai peringkat, iaitu peringkat dasar, menengah dan tinggi. Kandungan kurikulum ini juga termasuk matapelajaran wajib (*fardhu ain*) dan matapelajaran pilihan (*fardhu kifayah*)

Matapelajaran yang dianjurkan oleh Al-Ghazali lebih berasaskan kepada pembentukan akhlak dan moral yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Sehubungan dengan itu kandungan kurikulum pendidikan itu berkaitan dengan perkara ketauhidan, ilmu-ilmu yang diwajib, ilmu yang dilarang dan sebagainya.

Dalam metodologi pendidikan pula, Al-Ghazali menyarankan supaya duwujudkan proses dua hala iaitu pengajaran (oleh pihak guru) dan pembelajaran (pihak murid). Al-Ghazali telah menggariskan beberapa prinsip moral, metodologi, disiplin dan ganjaran.

Guru pula berperanan dalam membentuk sahsiah murid supaya menjadi insan yang baik di dunia dan di hari kemudian. Guru juga dianggap sebagai model kepada para pelajarnya, berkemahiran dan berilmu pengetahuan yang tinggi di samping sebagai pengadil, penyelesaikan masalah dan sebagainya.

Proses pengajaran berdasarkan ilmu pengetahuan kepada pelajar secara berperingkat-peringkat iaitu sewaktu kecil hingga ke peringkat dewasa. Ini dilakukan memandangkan keupayaan manusia tidak sama di antara satu dengan yang lain.

Walaubagaimanapun ia harus dilakukan untuk menjamin keberkesanan pemahaman mengikut kemampuan pemilihan pelajar.

Al-Ghazali menekankan aspek pendidikan moral yang perlu dimulakan sejak kecil melalui kaedah kebiasaan yang baik, latihan yang berterusan seralas dengan tuntutan agama.

## **5.2 SARANAN-SARANAN.**

Hasil daripada pengkajian yang telah dibuat, penyelidik mengemukakan beberapa saranan berkenaan dengan konsep pendidikan Al-Ghazali di antaranya;

- Sistem pendidikan Al-Ghazali berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah membicarakan berkenaan prinsip-prinsip umum dan khusus berkenaan pendidikan dalam Islam. Seharusnya ia diserapkan ke dalam sistem pendidikan bagi orang-orang Islam sebagai satu garis panduan bagi mengelakkan keraguan dan kekusutan kepada sebarang masalah yang timbul. Di samping itu penekanan terhadap pendidikan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah adalah penting bagi menghadapi cabaran secular masa kini.
- Institusi pendidikan seharusnya memiliki konsep kesepaduan yang tidak mengenepikan pendidikan agama di samping dunia dan juga sebaliknya. Perlu ada penilaian semula untuk diserapkan sistem pendidikan Al-Ghazali ke dalam sistem pendidikan sekarang yang menyatukan pendidikan keagamaan dengan keduniaan sebagai satu falsafah pendidikan secara menyeluruh.

- Kurikulum pendidikan Al-Ghazali yang melalui pelbagai berperingkat harus diketengahkan. Terutama peringkat yang menghuraikan matapelajaran wajib (fardhu ain) bagi kanak-kanak. Ini bagi menyediakan setiap pelajar Islam itu keteguhan iman dan pegangan agama yang jitu.
- System pendidikan di Malaysia juga harus menyerapkan metodologi pendidikan Al-Ghazali bagi mengembalikan imej guru yang semakin tercemar dewasa ini. Metodologi pendidikan Al-Ghazali yang menekankan perkembangan sahsiah yang seimbang di antara keperluan rohani dan jasmani perlu ditekankan bagi mengelakkan kepentingan material semata-mata.
- Pendidik merupakan scorang yang berkemahiran dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Sehubungan dengan itu pendidik sendiri perlu mendapat latihan bagi memastikan mereka cukup bersedia untuk berhadapan dengan pelajar-pelajar mereka kelak. Mereka harus cekap dan bersifat professional sewaktu menyampaikan maklumat terkini bagi meningkatkan kepuasan intelek dikalangan pelajarnya. Lebih-lebih lagi dalam kehairahan manusia mengejar ilmu pengetahuandalam bidang teknologi, pendidik masih perlu menekankan juga aspek kerohanian dan nilai akhlak anak didik mereka.
- Teori-teori Al-Ghazali tentang pendidikan perlu diketengahkan dan diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab di bahagian pendidikan. Kurikulum pengajaran yang penting, khususnya kepada umat Islam perlu dijadikan subjek wajib. Ini bagi memastikan keselarasan fitrah hidup manusia di muka bumi ini dan keperluan tuntutan rohani mereka. Dalam erti kata lain

pendidikan berbentuk fardu ain dan fardhu kifayah perlu seimbang bagi menjamin keharmonian hidup manusia dalam sesebuah masyarakat dan jaminan kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

- Seharusnya diketengahkan dan diterjemah hasil-hasil karya dan pandangan ahli falsafah dan pemikir Islam sebagai rujukan wajib kepada para pelajar walaupun hingga keperingkat tinggi. Di samping itu perlu ada proses Islamisasi ilmu pengetahuan barat atau lainnya yang bercorak ilmiah untuk pembangunan umat Islam seterusnya, selama mana ia tidak bercanggah dengan syariah Islamiah.

### 5.3 PENUTUP

Konsep pendidikan Al-Ghazali lebih kepada menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. Pandangan dan proses pendidikan yang dinjurkannya ke arah pembentukan manusia yang mendekati Allah s.w.t. Di samping itu pendidikan juga sebagai membentuk peribadi insan supaya mempunyai akhlak mulia. Oleh yang demikian Al-Ghazali sentiasa merujuk kepada al-Quran sebagai kandungan utama pengisian pendidikan. Walaubagaimanapun beliau sering menekankan akan kepentingan ilmu pengetahuan bercorak fardhu kifayah yang harus dituntut untuk keharmonian manusia sejagat. Setiap ilmu pengetahuan yang dipelajari haruslah dihayati dan diamalkan bagi memastikan keberkesanan pengisian sama ada dalam diri pendidik itu sendiri, para pelajar dan masyarakat seluruhnya.